



PANDUAN

Ujian Saringan **HIV** Secara Sukarela Dan Tanpa Nama

Cawangan AIDS/STD
Jabatan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

PANDUAN

Ujian Saringan **HIV** Secara Sukarela dan Tanpa Nama

Cawangan AIDS/STD
Jabatan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

KANDUNGAN

Senarai Penyumbang	3
Sekapur Sireh	4
Pengenalan	6
Objektif	7
Pelaksanaan	7
Carta alir ujian HIV sukarela tanpa nama	12
Rekod ujian HIV sukarela tanpa nama di klinik kesihatan	13
Reten bulanan ujian HIV sukarela tanpa nama	14
Talian Pegawai AIDS Negeri.	15
Klinik kesihatan yang melaksanakan penjagaan HIV	16

Senarai Penyumbang

PENASIHAT

Dato Dr. Faisal Ibrahim

AHLI

Dr. Abdul Rasid Kasri
Dr. Ahamad Jusoh
Dr. Rohani Ali
Pn. Suraiya Syed Mohamed
Dr. Anita Suleiman
Dr. Rosli Ismail
Dr. Shaari Ngadiman
Dr. Mahanim Md Yusuf
Dr. Khalijah Mohd Yusof
Dr. S. Thana Segaran
Dr. Rohani Ismail
Dr. Rozaini Mat Shah
Dr. Narimah Hanim Ibrahim
Dr. Zaini Husin
Dr. Rahimi Hassan
Dr. Oui Siew Kim
Dr. Selina Mohd Nor Dahalan
Dr. Hayati Abdullah

Pihak kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan mereka yang terlibat dalam penyediaan buku panduan ini.

Senarai Penyumbang

PENASIHAT

Dato Dr. Faisal Ibrahim

AHLI

Dr. Abdul Rasid Kasri
Dr. Ahamad Jusoh
Dr. Rohani Ali
Pn. Suraiya Syed Mohamed
Dr. Anita Suleiman
Dr. Rosli Ismail
Dr. Shaari Ngadiman
Dr. Mahanim Md Yusuf
Dr. Khalijah Mohd Yusof
Dr. S. Thana Segaran
Dr. Rohani Ismail
Dr. Rozaini Mat Shah
Dr. Narimah Hanim Ibrahim
Dr. Zaini Husin
Dr. Rahimi Hassan
Dr. Oui Siew Kim
Dr. Selina Mohd Nor Dahalan
Dr. Hayati Abdullah

Pihak kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan mereka yang terlibat dalam penyediaan buku panduan ini.

Sekapur Sireh

Secara umumnya, terdapat tiga cara HIV boleh dicegah dari menjangkiti pasangan melalui seks. Pertama, menganggap semua pasangan seks adalah pembawa HIV dan guna kondom setiap kali hubungan seks dilakukan. Dengan kadar terlucut dan kebocoran sebanyak 10%, pengurangan risiko akibat penggunaan kondom secara universal dijangkakan hampir 90%. Walau bagaimanapun, ramai juga yang menganggarkan keberkesanan penggunaan kondom hanya kira-kira 70% sahaja. Kemungkinan pengurangan kadar penularan virus yang nyata membuatkan WHO serta organisasi antarabangsa yang lain memilih kondom sebagai kaedah pencegahan utama. Kedua, merupakan kaedah yang sering dibincangkan oleh ramai adalah penggunaan vaksin. Sehingga hari ini ianya masih dalam kajian. Walaupun satu hari nanti vaksin yang sesuai dihasilkan, keberkesanannya dijangka akan berada di sekitar 60% sebagaimana ditunjukkan oleh vaksin untuk kolera hingga 95% sebagaimana vaksin untuk penyakit measles. Kaedah ketiga yang memberi harapan yang tinggi adalah ujian HIV secara sukarela. Bergantung kepada sensitiviti ujian dan “window period” strategi ini boleh mengurangkan risiko penularan 95% - 99% sekiranya mereka menggunakan maklumat status jangkitan HIV untuk menghindari hubungan seks.


Ujian HIV secara sukarela yang disokong dengan kaunseling seharusnya menjadi sebahagian daripada tindakbalas utama kita dalam menangani AIDS.

Pada peringkat individu, proses ujian memberi peluang bagi mendapatkan “informed consent” dan memberi informasi berkaitan penyakit, kaedah pencegahan dan sokongan kepada pesakit yang baru. Pada peringkat program, ianya merupakan komponen utama

mewujudkan persekitaran yang menyokong kepada kepercayaan golongan terpinggir untuk menyertai usaha pencegahan dan kawalan.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada anggota yang terlibat, di atas segala kerjasama dan komitmen dalam memerangi masalah HIV/AIDS di negara ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan daripada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan yang telah menyediakan buku panduan ini. Adalah menjadi harapan agar buku panduan ini dapat digunapakai oleh anggota dalam melaksanakan program saringan HIV sukarela dan tanpa nama di seluruh negara.

Sekian Terima Kasih.



Tan Sri Datu Dr. Hj. Mohamad Taha Arif
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

PROGRAM UJIAN SARINGAN HIV SECARA SUKARELA DAN TANPA NAMA

1. PENGENALAN

HIV /AIDS adalah penyakit yang menjangkiti seseorang sekali sahaja dalam seumur hidup dan ia tidak ada penawar. Langkah-langkah pencegahan seperti tidak melakukan seks sebelum berkahwin, tidak mengambil dadah dan tidak melakukan seks dengan orang yang bukan pasangan hidup merupakan langkah yang dapat mencegah penularan HIV. Walau bagaimanapun, penyebaran penyakit dapat disekat sekiranya seseorang itu tahu ianya dijangkiti HIV dan mengambil langkah-langkah wajar mengelak dari menyebarkan penyakit kepada orang lain.

Melalui perkhidmatan saringan HIV sukarela dan tanpa nama ini, individu boleh mengetahui status HIV negatif dalam masa 15 minit iaitu menggunakan kaedah ujian 'rapid test'. Individu tidak perlu mendedahkan maklumat peribadi termasuk nama dan alamat semasa melakukan ujian ini. Hanya maklumat tentang umur, bangsa, jantina dan tingkahlaku risiko diambil dari individu yang menjalani ujian tanpa nama ini. Perkhidmatan ini disediakan di semua Klinik Kesihatan Kerajaan setiap hari dalam waktu pejabat.

Bagi individu yang disahkan dijangkiti HIV, segala maklumat peribadi pesakit akan dikendalikan secara 'sulit'

oleh pegawai-pegawai tertentu sahaja. Mereka akan diberi penjagaan selanjutnya melalui pakej perkhidmatan yang akan meliputi kaunseling, pemeriksaan susulan dan rawatan yang akan disediakan di Klinik Kesihatan dan juga hospital.

2. OBJEKTIF

- i. Menyediakan perkhidmatan saringan HIV yang mudah, cepat dan sulit kepada masyarakat.
- ii. Menggalakkan individu yang berisiko untuk tampil menjalani ujian bagi pengesanan awal dan pencegahan.
- iii. Menyediakan pakej perkhidmatan yang meliputi kaunseling, rawatan dan tindaksusulan.

3. PELAKSANAAN

a. Kumpulan sasaran

Perkhidmatan ini terbuka kepada semua individu yang merasakan diri mereka berkemungkinan dijangkiti HIV.

- i. Mereka yang mempunyai pasangan yang dijangkiti HIV.
- ii. Penagih dadah.
- iii. Pekerja seks.
- iv. Homoseksual dan pasangan.
- v. Mereka yang pernah berkongsi jarum suntikan dadah.
- vi. Mereka yang mempunyai pasangan penagih dadah.

- vii. Mereka yang ada hubungan seks dengan pekerja seks.
- viii. Mereka yang mempunyai berbilang pasangan seks.
- ix. Mereka yang ada hubungan seks dengan yang di atas.

b. Kemudahan Menjalani Ujian

Semua Klinik Kesihatan yang dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri

c. Kaedah Ujian

Ujian saringan HIV akan dijalankan menggunakan kaedah ujian segera (Rapid test). Sekiranya di dapati 'reaktif', contoh darah individu itu akan diambil dan dihantar ke Pusat Saringan HIV (makmal hospital).

d. Prosedur Ujian HIV Tanpa Nama (anonymous)

- i. Mana-mana individu yang ingin menjalani ujian HIV tanpa nama ini perlulah pergi ke mana-mana klinik kesihatan kerajaan.
- ii. Tidak perlu mendaftar di kaunter pendaftaran. Berjumpa terus dengan mana-mana pegawai bertugas di Klinik Kesihatan dan minta ujian HIV tanpa nama dilakukan.

- iii. Pre test kaunseling akan diberi oleh pegawai perubatan/pembantu perubatan. Jika keputusan 'rapid test' 'tidak reaktif', individu diberi penerangan tentang 'window period' (post test counseling) dan dinasihatkan untuk mengulangi ujian, 6 bulan dari tarikh saringan. Individu tersebut boleh memilih untuk membuat temujanji atau terus ke Klinik Kesihatan.
- iv. Jika keputusan 'rapid test' adalah 'reaktif', nasihat akan diberikan dan persetujuan diperolehi daripada individu tersebut untuk menjalani ujian pengesahan.

e. Prosedur Ujian Pengesahan HIV

- i. Ujian pengesahan HIV dilaksanakan secara 'sulit'. Hanya pegawai perubatan/pembantu perubatan yang menjalankan ujian sahaja yang tahu maklumat peribadi individu.
- ii. Pegawai perubatan / pembantu perubatan akan mengisi borang mohon ujian pengesahan (HIV-97) dan dihantar bersama sampel darah (5 mls) yang dimasukkan di dalam botol EDTA.
- iii. Sampel darah ini akan dihantar terus ke Pusat Saringan HIV yang telah ditetapkan bagi sesebuah daerah.

f. Pengujian Di Hospital Pusat Saringan HIV

- i. Semua sampel darah yang diterima oleh makmal pusat saringan HIV akan didaftarkan untuk tujuan identifikasi
- ii. Keputusan ujian hendaklah direkodkan ke dalam komputer dan juga dicatatkan ke dalam borang HIV-97 .
- iii. Borang HIV-97 yang asal hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Perubatan/Pembantu Perubatan yang memohon ujian. Keputusan perlu diperolehi dalam tempoh 2 minggu. Sekiranya tidak diterima, Pegawai Perubatan/Pembantu Perubatan yang memohon perlu membuat susulan.

g. Menyampaikan Keputusan Ujian Pengesahan HIV


- i. Individu berkenaan dikehendaki berjumpa Pegawai Perubatan/Pembantu Perubatan pada hari temujanji yang telah ditetapkan (2 minggu selepas sampel darah di ambil) bagi mengetahui keputusan ujian pengesahan dan kaunseling selepas ujian.

- ii. Bagi ujian HIV NEGATIF, individu berkenaan akan diberi temujanji dalam masa 6 bulan untuk ujian pengesahan ulangan.
- iii. Bagi ujian HIV POSITIF, individu berkenaan akan dimaklumkan dan diberi post test kaunseling oleh pegawai perubatan. Seterusnya akan dirujuk ke mana-mana Klinik Kesihatan yang mempunyai Perkhidmatan Pengurusan HIV di Peringkat Jagaan Kesihatan Primer yang dipilih oleh Individu berkenaan. Jagaan seterusnya akan meliputi perkhidmatan kaunseling, pemeriksaan dan rawatan.

h. Melaporkan Kes Kepada Pegawai Kesihatan Daerah

- i. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Perubatan atau Pembantu Perubatan yang meminta ujian pengesahan HIV untuk melaporkan kepada Pegawai Kesihatan Daerah terhadap semua HIV Positif.
- ii. Segala maklumat yang terdapat dalam borang HIV-97 perlu dilengkapkan dan dihantar kepada Pegawai Kesihatan Daerah secara 'SULIT' (dimeterai).

CARTA ALIR UJIAN HIV SUKARELA TANPA NAMA



RETEN BULANAN UJIAN HIV SUKARELA TANPA NAMA

(untuk diisi oleh Klinik Kesihatan dan dihantar ke Pejabat Kesihatan)

BULAN : _____ TAHUN : _____ KLINIK : _____

Umur	T/Reaktif	Reaktif	Positif
13 – 19 th			
20 – 29 th			
30 – 39 th			
40 – 49 th			
> 49 th			
Bangsa			
Melayu (M)			
Cina (C)			
India (I)			
Bumiputra Sarawak (BSW)			
Bumiputra Sabah (BSB)			
Lain (O)			
Jantina			
Lelaki (L)			
Perempuan (P)			
Tingkh laku Berisiko			
Homoseksual/biseksual (HB)			
Heteroseksual (HS)			
Berkongsi Jarum Suntikan (SN)			
Lain-lain (O)			
Jumlah			

TALIAN PEGAWAI AIDS NEGERI

NEGERI	TELEFON	FAKSIMILI
JABATAN KESIHATAN JOHOR	07-2245188	07-2232603
JABATAN KESIHATAN MELAKA	06-2828344	06-2864761
JABATAN KESIHATAN N.SEMBILAN	06-7625231	06-7638543
JABATAN KESIHATAN SELANGOR	03-55186001	03-55126695
JABATAN KESIHATAN PERAK	05-2533489	05-2423137
JABATAN KESIHATAN KEDAH	04-7335533	04-7314936
JABATAN KESIHATAN P.PINANG	04-2625533	04-2613508
JABATAN KESIHATAN PERLIS	04-9773333	04-9760764
JABATAN KESIHATAN KELANTAN	09-7483288	09-7441333
JABATAN KESIHATAN TERENGGANU	09-6222866	09-6235001
JABATAN KESIHATAN PAHANG	09-5161366	09-5135526
JABATAN KESIHATAN SARAWAK	082-256566	082-424959
JABATAN KESIHATAN SABAH	088-716535	088-217740
JABATAN KESIHATAN W. PERSEKUTUAN	03-26938742	03-26938760
JABATAN KESIHATAN DBKL	03-92845166	03-92857295

KLINIK KESIHATAN YANG MELAKSANAKAN PENJAGAAN HIV

NEGERI	NAMA KLINIK
Perlis	1. KK Beseri 2. KK Arau
Kedah	3. KK Bandar Alor Setar 4. KK Bandar Sungai Petani 5. KK Kuah 6. KK Changlun 7. KK Merbok 8. KK Gua Cempedak 9. KK Sik 10. KK Pendang 11. KK Padang Serai 12. KK Kupang
P. Pinang	13. KK Tasik Gelugor, Seberang Prai Utara 14. KK Berapit, Bkt Mertajam, S. Prai Tengah
Perak	15. KK Lintang, Kuala Kangsar 16. KK Changkat Jering, Larut Matang
Selangor	17. KK Semenyih 18. KK Cheras Bt. 9 19. KK Rawang 20. JPL Sg. Buluh 21. KK Salak 22. KK Kelana Jaya 23. KK Seri Kembangan 24. KK Teluk Panglima Garang 25. KK Teluk Datok

NEGERI	NAMA KLINIK
	26. KK Kuala Selangor 27. KK Serendah 28. KK Bukit Kuda 29. KK Pandamaran 30. KK Sungai Besar
N. Sembilan	31. KK Seremban 32. KK Jelebu 33. KK Tampin 34. KK Port Dickson 35. KK Kuala Pilah 36. KK Bahau 37. KK Nilai
Melaka	38. KK Air Molek 39. KK Masjid Tanah 40. KK Merlimau 41. KK Selandar 42. KK Bukit Baru 43. KK Alor Gajah
Johor	44. KK Batu Pahat, Batu Pahat 45. KK Rengit, Batu Pahat 46. KK Air Hitam, Batu Pahat 47. KK Parit Raja, Batu Pahat 48. KK Yong Peng, Batu Pahat 49. KK Sri Medan, Batu Pahat 50. KK Tongkang Pecah, Batu Pahat 51. KK Bagan, Batu Pahat 52. KK Pt Sri Merlong, Batu Pahat 53. KK Kg Kenangan Dato Onn, Batu Pahat 54. KK Pt Yaani, Batu Pahat.

NEGERI	NAMA KLINIK
	55. KK Senggarang, Batu Pahat.
	56. KK Sri Gading, Batu Pahat
	57. KK Pt Sulong, Batu Pahat.
	58. KK Rumah Pangsa JI Lumba Kuda, J.Bharu
	59. KK Taman Tun Aminah, J.Bharu
	60. KK Kulai, J.Bharu
	61. KK Masai, J.Bharu
	62. KK Tampoi, J.Bharu
	63. KK Kg Majidee, J.Bharu
	64. KK Ulu Tiram, J.Bharu
	65. KK Gelang Patah, J.Bharu
	66. KK Larkin, J.Bharu
	67. KK Pasir Gudang, J.Bharu
	68. KK Tmn Sri Tebrau, J.Bharu
	69. KK Paloh, Kluang.
	70. KK Renggam, Kluang.
	71. KK Kahang Bt 22, Kluang
	72. KK Spg Renggam, Kluang
	73. KK Kahang Timur, Kluang
	74. KK Layang-Layang, Kluang
	75. KK Ulu Belitong, Kluang
	76. KK Bandar Mas, Kota Tinggi.
	77. KK Bandar Sening, Kota Tinggi
	78. KK Bandar Tenggara, Kota Tinggi
	79. KK Lok Heng (Felda) Kota Tinggi
	80. KK Tg Sedili, Kota Tinggi
	81. KK Air Tawar II (felda), Kota Tinggi
	82. KK Sg Rengit, Kota Tinggi
	83. KK Bkt Waha, Kota Tinggi
	84. KK Bkt Besar, Kota Tinggi
	85. KK Pengerang, Kota Tinggi

NEGERI	NAMA KLINIK
	86. KK Kuala Sedili Besar, Kota Tinggi
	87. KK Bandar Penawar, Kota Tinggi
	88. KK Tengaroh II, Mersing.
	89. KK Endau, Mersing.
	90. KK Jemaluang, Mersing.
	91. KK Tenglu, Mersing.
	92. KK Mersing Kanan, Mersing.
	93. KK Pt Jawa, Muar.
	94. KK Sagil, Muar
	95. KK Lenga, Muar
	96. KK Bkt Pasir, Muar
	97. KK Sg Mati, Muar
	98. KK Pagoh, Muar
	99. KK Paya Mas, Muar
	100. KK Bakri, Muar
	101. KK Pt Bakar, Muar
	102. KK Bt 15 Air Hitam, Muar
	103. KK Gersik, Muar
	104. KK Pt Yusof, Muar
	105. KK Bkt Gambir, Muar
	106. KK Sri Menanti, Muar
	107. KK Kg Kenangan Tun Dr Ismail, Muar
	108. KK Pekan Nenas, Pontian.
	109. KK Benut, Pontian.
	110. KK Ayer Baloi, Pontian.
	111. KK Serkat, Pontian.
	112. KK Kayu Ara Pasong, Pontian.
	113. KK Pekan Penerok, Pontian.
	114. KK Pt Hj Ismail, Pontian.
	115. KK Jln Alsagoff, Pontian.
	116. KK Segamat, Segamat.

NEGERI	NAMA KLINIK
	117. KK Pekan Air Panas, Segamat. 118. KK Labis, Segamat. 119. KK Bekok, Segamat. 120. KK Pemanis (felda) Segamat. 121. KK Chaah, Segamat. 122. KK Buloh Kasap, Segamat. 123. KK Batu Anam, Segamat. 124. KK Jementah, Segamat.
Pahang	125. KK Jaya Gading 126. KK Jerantut 127. KK Benta, Lipis
Terengganu	128. KK Marang 129. Poliklinik Dungun 130. KK Batu Rakit
Kelantan	131. KK Pengkalan Chepa 132. KK Jeli
Sabah	133. KK Luyang, Kota Kinabalu
Sarawak	134. Poliklinik Jalan Masjid Kuching 135. Poliklinik Jalan Oya Sibul



KKM/2003/2,000
<http://dph.gov.my/aids>